

PM perjelas pelaksanaan sistem pendidikan agama 13 Februari

UM - 2 FEB 2003
MUAR 1 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan memberi penjelasan penting berhubung isu pelaksanaan sistem pendidikan agama di negara ini dalam satu perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin UMNO di Kuala Lumpur 13 Februari ini.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin berkata, semua peringkat kepimpinan parti akan diberi penjelasan lanjut mengenai tindakan Kerajaan Pusat memberhentikan bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) berkuatkuasa awal bulan ini.

"Melalui pertemuan itu, akan membolehkan kepimpinan dalam UMNO dan rakyat memahami dengan lebih jelas usaha kerajaan menangani masalah pendidikan di sekolah-sekolah agama di negara ini.

"Ini penting kerana pembangkang telah

mengeksploitasikan isu SAR dengan mendakwa langkah kerajaan itu adalah untuk mensekularkan sistem pelajaran agama," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas melancarkan Gerakan Desa Wawasan, Kempen Pencegahan Jenayah dan perayaan Jubli Emas Kampung Baru Melayu, Batu 28, Lenga, di sini petang semalam.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, selain daripada itu pembangkang khususnya Pas mendakwa kononnya kerajaan tidak memberikan perhatian terhadap SAR.

Katanya, mereka berbuat demikian untuk mengalihkan pandangan rakyat terhadap cara ajaran agama yang disampaikan di SAR iaitu pelajar dididik kepada ajaran yang bercanggah dengan agama Islam sebenar.